

Angka Giliran: _____

Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSE 351 - Mikroekonomi II

Masa : [3 jam]

-
1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.
 2. Jawab soalan 1 daripada BAHAGIAN A dan DUA soalan daripada BAHAGIAN B.
 3. Alat pengira elektronik tidak boleh diprogramkan boleh digunakan.

...2/-

BAHAGIAN A (60 markah)

Soalan 1

Jawab SEMUA soalan berikut ([A] - [J]). Tuliskan jawapan anda di ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Industri minuman ringan di Negara Akaka mempunyai hanya 3 buah firma A, B dan C. Kos pengeluaran industri adalah:

$$C = 40Q$$

dan fungsi permintaan agregat industri ialah:

$$Q = 240 - 0.5P$$

yang mana C, Q dan P adalah kos, kuantiti dan harga output dalam industri.

(i) Hitungkan output dan keuntungan setiap firma sekiranya industri ini berbentuk oligopoli Cournot

(3 markah)


(ii) Katakan firma D berjaya memasuki industri minuman ringan ini dan mula mengeluarkan minuman ringan. Sekiranya industri itu masih berbentuk oligopoli Cournot, berapakah jumlah output yang dikeluarkan oleh keempat-empat firma itu?

(2 markah)

(iii) Apakah andaian-andaian penting tentang perlakuan firma-firma dalam industri berbentuk Cournot?

(2 markah)

[B] Rajah B menunjukkan Model Sweezy di mana firma beroligopoli itu telah mencapai keseimbangan pada paras harga P_0 dan output Q_0 .



Rajah B

Sekarang katakan pasaran mengembang dan firma tertentu itu menghadapi peranjakan keluk permintaannya. Di bawah keadaan yang bagaimanakah firma beroligopoli itu masih mengenakan harga P_0 walaupun kuantiti yang dijualnya telah meningkat? Tandakan keadaan itu di dalam Rajah B.

(5 markah)

... 4/-

[C] Di dalam pasaran monopsoni, fungsi penawaran buruh ialah

$$W = 10 + 0.05L$$


yang mana W dan L adalah upah dan kuantiti buruh. Fungsi MFC dan VMP adalah masing-masing

$$W_1 = 10 + 0.10L$$

dan $W_2 = 70 - 0.05L$

(i) Lukiskan secara kasar kesemua keluk.

(1 markah)



Rajah C

(ii) Hitungkan eksploitasi monoposoni?

(3 markah)

(iii) Andaikan kesatuan sekerja berjaya menghapuskan eksploitasi monopsoni itu melalui proses tawar-menawar dengan majikan. Jika kesatuan sekerja bertujuan memaksimumkan bilangan pekerja, apakah kadar upah yang akan diminta oleh kesatuan sekerja?

(3 markah)

[D] "Di bawah persaingan sempurna, dalam jangka panjang, sewa separa firma adalah sifar". Setujukah anda? Jelaskan.

(5 markah)

- [E] Keanjalan penggantian antara input buruh dan modal di dalam industri elektronik bernilai 0.4. Sekiranya kadar sewa jatuh dan akibatnya nisbah (W/r) meningkat sebanyak 15%, apakah kesannya terhadap syer pendapatan buruh? (6 markah)

- [F] Kerajaan ingin membina sebuah stadium berhampiran Bayan Lepas. Malangnya ada satu golongan membantah rancangan ini dan sedia membelanja sebanyak \$100,000 untuk menghalang projek ini. Sebaliknya, ada satu golongan lain yang sanggup menderma sebanyak \$2 juta untuk projek ini.

- (i) Jika kerajaan membina stadium ini, adakah projek ini merupakan satu kebaikan dari segi masyarakat?

(3 markah)

- (ii) Jika utiliti marginal pendapatan berbeza antara golongan pertama dan kedua, dan golongan kedua sedia membayar gantirugi kepada golongan pertama, bolehkah projek ini meningkatkan kesejahteraan masyarakat?

(3 markah)


- [G] Apakah andaian yang digunakan dalam fungsi kebajikan sosial Bentham? Sekiranya peta keluk kebajikan sosial Bentham itu digabungkan dengan keluk Sempadan Kemungkinan Utiliti Tertinggi untuk menentukan kebajikan sosial yang maksimum, apakah masalah yang mungkin timbul?

(5 markah)

... 8/-

[H] Industri tekstil mempunyai input L sahaja tetapi tiada input K manakala industri besi waja mempunyai input K tetapi tiada input L.

(i) Dengan menggunakan kotak Edgeworth dalam Rajah H, tunjukkan kedudukan asal ini. (2 markah)




Rajah H

(ii) Adakah kedudukan asal itu merupakan keadaan keseimbangan am? Kenapa? (2 markah)

(iii) Jika kedua-dua industri berpeluang tukar-menukar input L dan K dan dapat menambahkan output mereka masing-masing, jelaskan proses ini dan tunjukkan kedudukan akhir dalam kotak Edgeworth ini. (3 markah)

[I] Rajah I menunjukkan penyediaan barang awam apabila kedua-dua individu A dan B tidak menyembunyikan pilihan mereka terhadap barang awam itu.



Rajah I

- (i) Berapakah kuantiti yang akan dikeluarkan? (2 markah)

- (ii) Sekiranya individu B menyembunyikan pilihannya dan menjadi 'penumpang percuma', tunjukkan dalam Rajah I, faedah bersih yang dinikmatinya. Jelaskan. (2 markah)

- (iii) Tunjukkan kerugian yang ditanggung oleh individu A, akibat daripada perlakuan individu B yang menjadi penumpang percuma. Jelaskan. (3 markah)

- [J] Dalam model keseimbangan am $2 \times 2 \times 2$, jika kadar transformasi marginal di kalangan pengeluaran melebihi kadar penggantian marginal di kalangan penggunaan, adakah keseimbangan am tercapai? Sekiranya tidak, jelaskan bagaimanakah ekonomi ini boleh mencapai keseimbangan am semula.

(5 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja. Setiap soalan diberikan 20 markah. Gunakan buku jawapan.

Soalan 2

- (a) Jelaskan kenapakah satu sistem pasaran tidak akan berjaya mencapai kedudukan keseimbangan am sekiranya kuasa monopsoni wujud di kalangan pembeli.

(10 markah)

- (b) Katakan kedai Ah Chai terletak di sebelah Bank Pertama. Oleh kerana Bank Pertama mempunyai pegawai keselamatan yang menjaga Bank pada waktu malam, kedai Ah Chai juga mendapat sebahagian perkhidmatan keselamatan tanpa sebarang bayaran. Adakah tahap perkhidmatan keselamatan yang dinikmati oleh Ah Chai merupakan tahap keoptimuman Pareto? Sekiranya tidak, bagaimanakah tahap keoptimuman Pareto dapat dicapai?

(10 markah)

Soalan 3

- (a) Kesatuan Sekerja Tekstil mewakili pekerja pengeluaran di semua kilang tekstil untuk tujuan tawar-menawar mengenai skim perkhidmatan dengan pihak majikan, yang diwakili oleh Pertubuhan Majikan Tekstil. Bagaimanakah kadar upah dan paras gunatenaga dalam pasaran pekerja pengeluaran ditentukan?

(10 markah)

- (b) Jelaskan apakah yang dimaksudkan oleh "kegagalan pasaran" akibat daripada barangan awam?

(10 markah)

Soalan 4

- (a) Apakah kesannya apabila kerajaan melaksanakan satu dasar kadar upah minimum di dalam pasaran input yang bermonopsoni?

(8 markah)

- (b) Katakan dalam satu model pimpinan harga oleh sebuah firma dominan, fungsi permintaan firma dominan ialah

$$q_d = 320 - 4p,$$

di mana q_d dan p adalah kuantiti dijual oleh firma dominan dan harga pasaran masing-masing. Diandaikan wujud 100 buah firma kecil yang serba sama dan setiap firma ini mempunyai fungsi kos marginal:

$$MC_i = \frac{3}{100}p - \frac{7}{10}$$

Fungsi kos bagi firma dominan ialah $C = (1/4)q_d^2$

- (i) Apakah paras harga dan output firma dominan yang akan memaksimumkan keuntungannya?
- (ii) Hitungkan syer pasaran yang dikuasai oleh firma dominan.
- (iii) Jika firma dominan mengurangkan harga outputnya sebagai langkah untuk menguasai syer pasaran yang lebih besar tanpa kerugian, hitungkan syer pasaran barunya.

(12 markah)

... 13/-

Soalan 5

- (a) Bincangkan kekuatan dan kelemahan kriteria-kriteria yang biasanya digunakan untuk menilaikan dasar. Sekiranya anda adalah seorang penasihat ekonomi di sebuah negara yang sedang membangun, apakah kriteria yang akan anda gunakan untuk menilai dasar ekonomi? Kenapa?

(12 markah)

- (b) Dengan menggunakan satu contoh yang spesifik, jelaskan makna teorem ketidakmungkinan Arrow.

(8 markah)

